

STRATEGI PELAKSANAAN
PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT
PEMBELAJARAN (FASA 2)

NAMA PUSAT : INNOVATION LEARNING CENTRE

FUNGSI : BLOK & PUZZLE

TAJUK : JOM KITAR SEMULA (MODEL KERETA)

BIL	PERKARA	CATATAN	
1	STANDARD KANDUNGAN	MA 6.3	Membuat pelbagai binaan mengikut kreativiti
		KE 3.3	Menzahirkan idea kreatif dalam penghasilan karya seni
2	STANDARD PEMBELAJARAN	MA 6.3.3	Membuat binaan menggunakan pelbagai bahan mengikut kreativiti dan menceritakannya
		KE 3.3.6	Melahirkan karya kreatif menggunakan bahan kitar semula
4	STREAM	S	Menyiasat dan meneroka bahagian fizikal sesebuah kenderaan
		T	slide, smart TV.
		R	Menggunakan bahan kitar semula yang boleh dimanfaatkan bersama.
		E	Melakar dan membina kereta menggunakan bahan kitar semula
		A	Menggunakan pelbagai bahan mengikut kreativiti kanak-kanak
		M	Mengenal pelbagai warna,bentuk dan saiz alat bahan
	OBJEKTIF PEMBELAJARAN	Kanak-kanak dapat menghasilkan karya kreatif menggunakan bahan kitar semula seperti kotak, botol untuk menghasilkan model kereta.	
5	BBM	kotak, span, surat khabar, gunting , gam, warna air, berus, penutup botol, dan tali	
6	NILAI MURNI	Menghargai bahan kitar semula dan memupuk semangat jangan membazir serta bersyukur.	

STRATEGI PELAKSANAAN

1. Kanak-kanak berada di pusat pembelajaran.
2. Kanak-kanak menonton slide gambar tentang cara-cara menghasilkan kereta daripada bahan terbuang.
3. Kanak-kanak bersoaljawab dengan guru tentang slide yang dilihat.
4. Kanak-kanak melukis desain kereta mengikut kreativiti mereka bersama guru.
5. Guru membahagikan kanak-kanak dalam 3 kumpulan .
6. Guru menerangkan cara membina model kereta:
 - Kotak- badan kereta
 - Penutup botol- tayar kereta
 - Span - warnakan badan kereta
 - Warna air- cat badan kereta
7. Kanak-kanak menjalankan aktiviti dengan bimbingan guru.
8. Kanak-kanak bermain dengan kereta yang dihasilkan.
9. Kanak-kanak menceritakan hasil kerja.

Nota:

guru boleh menyediakan pelbagai BBM berdasarkan kreativiti guru serta minat kanak-kanak